

(2015) 19 JUUM 1 - 8

## Khalwat: Keperluan kepada Hukuman Sebat dan Alternatif

(Close Proximity: The Need for Whipping and Alternative Sentencing)

NURUL 'IZZATI MOHAMAD

### ABSTRAK

*Khalwat adalah merupakan kesalahan jenayah syariah yang paling kerap berlaku di Malaysia berbanding kesalahan jenayah syariah yang lain. Penangkapan para pesalah khalwat seringkali dilaporkan oleh media elektronik dan media cetak. Malah lambakan kes khalwat yang belum selesai di mahkamah jelas menunjukkan masih ramai individu yang tidak gentar dengan undang-undang dan hukuman yang sedia ada. Sehubungan itu, artikel ini mengenal pasti permasalahan berkaitan peruntukan undang-undang yang mengawal selia jenayah khalwat di Malaysia. Setiap negeri di negara ini mempunyai peruntukan bagi kesalahan khalwat di bawah enakmen kesalahan jenayah syariah negeri masing-masing. Namun penulisan ini hanya mengkaji peruntukan khalwat di bawah Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995. Ia turut membincangkan keberkesanan hukuman penjara dan denda yang diperuntukkan di bawah enakmen kesalahan jenayah syariah negeri buat masa ini. Artikel ini kemudiannya mencadangkan agar hukuman sebat dan alternatif seperti perintah menghadiri kelas bimbingan dan agama dikenakan terhadap pesalah khalwat yang disabitkan. Ini kerana hukuman sedemikian dilihat sebagai satu metod terbaik bagi menginsafkan pesalah khalwat agar tidak mengulangi kesalahan tersebut.*

*Kata kunci: Khalwat; kesalahan jenayah syariah; hukuman alternatif; hukuman sebat*

### ABSTRACT

*Close proximity offense is the most prevalent offence in Malaysia compared to the other syariah criminal offenses. News on the arrest of close proximity offenders are often reported by electronic and print media. Current influx of unresolved close proximity cases before the court clearly indicates that there are still many individuals undaunted by the existing law and its punishment. Therefore, this article identifies problems pertaining to provision which regulates close proximity crime in Malaysia. Every state in the country has its own provisions on close proximity under their respective syariah criminal offences enactments. However this writing only discusses the provision on close proximity under Syariah Criminal Enactment (Selangor) 1995. It simultaneously discusses the sentences of jail and fine currently provided under the state's syariah criminal enactment. The article then suggests that whipping and alternative punishment in the form of order to attend supervisory and religious classes should be imposed on convicted offenders. This is because such punishments are seen as the best method in ensuring that the offenders repent from committing such offense.*

*Keywords: Close proximity; syariah criminal offence; alternative sentencing; whipping sentence*

### PENDAHULUAN

Senario jenayah undang-undang sivil dan syariah di Malaysia semakin membimbangkan dan tidak menampakkan sebarang jalan penyelesaian. Jenayah syariah terutamanya masih mencatatkan bilangan kes yang tinggi walaupun pelbagai usaha telah dilakukan dalam meembendung jenayah syariah. Antara kesalahan jenayah syariah yang kerap berlaku ialah jenayah khalwat, ajaran sesat, berzina, perjudi dan lain-lain. Artikel ini membincangkan senario kesalahan jenayah khalwat yang semakin kerap dilakukan oleh umat Islam di negara ini.<sup>1</sup>

Apabila kita berbicara tentang jenayah khalwat, persoalan utama yang muncul ialah apakah punca jenayah khalwat ini berlaku? Sudah semestinya persoalan

tersebut akan berpatah balik kepada pesalah khalwat. Tiada siapa yang menyuruh mereka melakukan jenayah khalwat melainkan diri mereka sendiri. Hukuman penjara dan denda yang diperuntukkan bagi pesalah khalwat di bawah enakmen kesalahan jenayah syariah negeri dilihat masih kurang berkesan untuk mencegah masyarakat daripada melakukan jenayah tersebut. Perkara yang paling mendukacitakan ialah apabila masyarakat tidak mengambil pengajaran daripada kes-kes khalwat yang telah berlaku dan masih mengulangi jenayah yang sama. Peruntukan undang-undang yang mengawal selia jenayah khalwat dilihat kurang memainkan peranan dalam memberikan kesedaran kepada pesalah khalwat dan juga masyarakat umum. Ini terbukti apabila kesalahan khalwat masih lagi menjadi kesalahan jenayah yang tertinggi di Malaysia.

Oleh yang demikian, penulis ingin mengenal pasti peruntukan yang sedia ada dan mengkaji keberkesanan hukuman yang diperuntukan. Di samping itu, penulis mencadangkan agar hukuman sebat dan hukuman alternatif dilaksanakan sebagai satu usaha untuk mencegah khalwat dengan lebih berkesan.

### DEFINISI KHALWAT

Khalwat dalam bahasa Arab berasal daripada kata kerja iaitu berseorangan atau sunyi.<sup>2</sup> Menurut hukum Islam pula, melalui ulama terdahulu seperti Imam Syafie, Maliki, Hanbali dan juga Hanafi, khalwat telah dirujuk sebagai perhubungan suami yang bersekedudukan dengan isterinya sama ada hingga berlakunya persetubuhan atau tidak.<sup>3</sup>

Definisi khalwat iaitu bersunyi-sunyian pada zaman Rasulullah SAW ternyata berbeza dengan definisi yang diguna pakai pada zaman kini. Pada zaman Rasulullah SAW, khalwat bermaksud bersunyi-sunyi seorang diri seperti yang dilakukan Rasulullah SAW di Gua Hira' sebelum Baginda diangkat menjadi Rasul.<sup>4</sup> Namun, istilah pada masa kini, khalwat membawa erti yang negatif iaitu berdua-duaan di antara seorang lelaki dan seorang perempuan yang tiada ikatan yang sah di tempat sunyi atau tertutup dalam keadaan syak.<sup>5</sup> Definisi khalwat pada masa kini telah dinyatakan dengan jelas di dalam enakmen-enakmen negeri-negeri di Malaysia sebagai perbuatan bersekedudukan dengan mana-mana pasangan yang bukan isteri atau muhrimnya di tempat sunyi dan boleh menimbulkan syak bahawa mereka telah melakukan perbuatan tidak bermoral.<sup>6</sup>

### HUKUM KHALWAT MENURUT UNDANG-UNDANG ISLAM

Pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan sememangnya dilarang oleh Allah SWT kecuali terdapat keperluan dan apabila berada dalam keadaan darurat. Larangan ini telah dinyatakan oleh Allah SWT sebagaimana firman-Nya dalam surah An-Nur ayat 30.

Firman Allah SWT:

Maksudnya: "Katakanlah (wahai Muhammad) kepada orang-orang lelaki yang beriman supaya mereka menyekat pandangan mereka (daripada memandang yang haram), dan memelihara kehormatan mereka."

Allah SWT berfirman lagi dalam Surah An-Nur ayat 31:

Maksudnya: "Dan katakanlah kepada perempuan-perempuan yang beriman supaya menyekat pandangan mereka (daripada memandang yang haram), dan memelihara kehormatan mereka; dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka kecuali yang zahir daripadanya; dan hendaklah mereka menutup belahan leher bajunya dengan tudung kepala mereka; dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka

melainkan kepada suami mereka, atau bapa mereka atau bapa mertua mereka atau anak-anak mereka, atau anak-anak tiri mereka, atau saudara-saudara mereka, atau anak bagi saudara-saudara mereka yang lelaki, atau anak bagi saudara-saudara mereka yang perempuan, atau perempuan-perempuan Islam, atau hamba-hamba mereka, atau orang gaji dari orang-orang lelaki yang telah tua dan tidak berkeinginan kepada perempuan, atau kanak-kanak yang belum mengerti lagi tentang aurat perempuan."

Berdasarkan potongan ayat Al-Quran di atas, Allah melarang lelaki dan perempuan yang bukan mahram melihat aurat masing-masing dan bergaul bebas di antara satu sama lain. Larangan ini sekaligus menunjukkan Allah melarang perlakuan khalwat kerana ianya melibatkan lelaki dan perempuan yang bukan mahram bersendirian di tempat yang sunyi dan boleh menimbulkan syak. Walaupun khalwat tidak dinyatakan secara langsung dalam Al-Quran, terdapat dalil Al-Quran yang secara tidak langsung menyentuh mengenai khalwat. Khalwat merupakan mukadimah kepada berlakunya jenayah zina dan persetubuhan luar nikah.<sup>7</sup> Surah Al-Isra' ayat 32 jelas menyatakan bahawa;

Maksudnya: "Dan janganlah kamu mendekati zina; sesungguhnya zina itu adalah suatu perbuatan yang keji, dan suatu jalan yang buruk.

Selain itu, sabda Rasulullah SAW yang diriwayatkan daripada Ibnu Abbas r.a:

"Janganlah seorang lelaki berdua-duaan (khalwat) dengan wanita kecuali bersama mahramnya. (Riwayat Bukhari & Muslim)

Rasulullah SAW turut bersabda:

"Janganlah salah seorang dari kalian berdua-duaan dengan seorang wanita, kerana syaitan akan menjadi ketiganya." (Riwayat Ahmad dan Termizi)

### UNDANG-UNDANG YANG MENGAWAL SELIA JENAYAH KHALWAT DI MALAYSIA

Hukuman yang diperuntukan bagi khalwat ialah hukuman ta'zir. Para fuqaha' telah mentakrifkan ta'zir sebagai satu pembalasan yang tidak ditetapkan kadarnya. Ianya diwajibkan sama ada sebagai hak Allah atau hak manusia dalam setiap maksiat yang tiada pembalasan hudud dan kafarah, serta mempunyai tujuan untuk memberikan pengajaran, pemulihan dan kesedaran.<sup>8</sup> Maksiat yang dimaksudkan oleh para fuqaha' ialah tindakan melanggar mana-mana larangan syarak atau meninggalkan perintah yang telah diwajibkan oleh Allah untuk dilakukan.<sup>9</sup>

Ulama'-ulama' Fiqh turut menyatakan bahawa ta'zir merupakan hukuman yang tidak ditentukan dan berbeza dengan hudud dan qisas. Oleh kerana ta'zir mempunyai skop yang luas, Qadi, Hakim dan pemerintah sesebuah negara Islam boleh menjatuhkan hukuman ta'zir setimpal dan bersesuaian dengan jenis kesalahan yang dilakukan.<sup>10</sup>

Di Malaysia, mahkamah syariah mempunyai bidangkuasa untuk menentukan hukuman yang akan dijatuhkan ke atas pesalah khalwat. Ianya telah dinyatakan di dalam Senarai Negeri Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan;

“...pewujudan dan penghukuman kesalahan yang dilakukan oleh orang yang menganut agama Islam terhadap perintah agama itu, kecuali berkenaan dengan perkara yang termasuk dalam Senarai Persekutuan...”

Walaupun bagaimanapun, Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 (Pindaan 1984) (Akta 355) telah menghadkan kuasa kerajaan negeri untuk meluluskan peruntukan undang-undang berkaitan jenayah syariah. Oleh yang demikian mahkamah syariah hanya dibenarkan menghukum dengan hukuman yang telah diperuntukan.<sup>11</sup> Kebanyakan negeri menggunakan istilah dan maksud yang sama dalam menggubal peruntukan berkaitan khalwat. Hukuman yang diperuntukan ialah hukuman penjara atau hukuman denda atau kedua-duanya. Artikel ini akan mengambil contoh peruntukan undang-undang mengenai khalwat dengan merujuk Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995.

Seksyen 29. Khalwat Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995

(1) Mana-mana:-

- (a) orang lelaki yang didapati berada bersama dengan seorang atau lebih daripada seorang perempuan yang bukan isteri atau mahramnya;
- (b) orang perempuan yang didapati berada bersama dengan seorang atau lebih daripada seorang lelaki yang bukan suami atau mahramnya, di mana-mana tempat yang terselindung atau di dalam rumah atau bilik dalam keadaan yang boleh menimbulkan syak bahawa mereka sedang melakukan perbuatan yang tidak bermoral adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Seksyen 29 Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995 secara ringkasnya telah memperuntukan dua situasi yang mana boleh menyabitkan seseorang telah melakukan khalwat sekiranya berjaya dibuktikan. Situasi tersebut ialah;

1. Seseorang lelaki yang didapati bersama-sama dengan seorang atau lebih perempuan yang bukan isteri atau mahramnya di tempat yang sunyi atau di dalam sebuah rumah atau bilik atau di tempat yang terasing dalam hal-keadaan yang boleh mendatangkan syak bahawa mereka melakukan maksiat adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM3,000.00 atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.<sup>12</sup>
2. Seseorang perempuan yang didapati bersama-sama dengan seorang atau lebih lelaki yang bukan suami atau mahramnya di tempat yang sunyi atau di dalam

sebuah rumah atau bilik atau di tempat yang terasing dalam hal keadaan yang boleh mendatangkan syak bahawa mereka melakukan maksiat adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM3,000.00 atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.<sup>13</sup>

Kesimpulan yang dapat dirumuskan daripada peruntukan seksyen 29 Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995, mahkamah boleh menjatuhkan salah satu daripada tiga (3) bentuk hukuman ke atas tertuduh iaitu samada menjatuhkan hukuman denda tidak lebih RM3,000.00 atau penjara tidak lebih dua tahun atau kedua-duanya sekali. Persoalan yang timbul ialah apakah Mahkamah mempunyai kuasa budi bicara yang luas dalam membuat keputusan untuk menjatuhkan hukuman?

Dalam kes *Pendakwa Syarie Iwn Sukree Bin Masuyu*<sup>14</sup>, mahkamah memutuskan bahawa hukuman yang boleh dijatuhkan kepada tertuduh boleh dikenakan secara khusus dan tidak perlu mengikut turutan bentuk hukuman seperti yang dinyatakan di dalam peruntukan. Hakim dalam kes tersebut juga memutuskan mahkamah mempunyai budi bicara yang luas dalam menjatuhkan hukuman kerana peruntukan itu menggunakan perkataan “boleh dihukum” yang mana ia tidak mengikat mahkamah untuk menjatuhkan hukuman mengikut turutan.<sup>15</sup>

Namun, melihat kepada amalan mahkamah syariah masa kini, kebanyakan pesalah khalwat akan dijatuhkan hukuman denda dan sekiranya mereka gagal membayar denda, barulah hukuman penjara akan dijatuhkan terhadap mereka. Contoh kes yang boleh dirujuk ialah kes *Pendakwa Syarie Iwn Norashikin Bt Maslan*.<sup>16</sup> Dalam kes ini, Hakim telah menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM3,000.00 atau 6 bulan penjara.

Selain itu, dalam kes *Pendakwa Syarie Iwn Mohd Naim Bin Abu Bakar*,<sup>17</sup> kedua-dua OKT telah disabitkan dengan kesalahan khalwat di bawah seksyen 54(1) dan 54(2) Enakmen Jenayah (Syariah) Perak 1992. Hakim telah menjatuhkan hukuman terhadap OKT (Lelaki) denda sebanyak RM2,600.00 atau enam bulan penjara manakala OKT (Perempuan) dijatuhkan hukuman denda sebanyak RM2,500.00 atau lima bulan penjara.

#### HUKUMAN PENJARA DAN DENDA DI BAWAH JENAYAH KHALWAT: PERMASALAHAN DAN DAPATAN

Pada tahun 2012 hingga tahun 2014, tangkapan membabitkan khalwat masih mencatatkan angka tertinggi di antara kesalahan utama jenayah syariah seperti mana yang telah direkodkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).<sup>18</sup> Merujuk kepada statistik di bawah, bilangan kes khalwat mencatatkan angka yang tertinggi dan mempunyai perbezaan yang ketara berbanding dengan jenayah yang lain.

Pada tahun 2013, seorang pelajar institusi pengajian

JADUAL 1. Statistik tangkapan kesalahan jenayah syariah tertinggi bagi tahun 2012-2014<sup>19</sup>

Bil.	Jenis Kesalahan	2012	2013	2014
1	Khalwat	8970	6288	5790
2	Perbuatan tidak sopan di tempat awam	1513	1635	1982
3	Persetubuhan luar nikah	1032	953	808
4	Berjudi	1463	919	1036
5	Perbuatan sebagai persediaan untuk melakukan persetubuhan luar nikah	490	1133	1090
6	Minum minuman yang memabukkan	531	414	305
7	Hamil luar nikah	331	337	327
Jumlah		14330	11679	11338

JADUAL 2. Statistik tangkapan kesalahan khalwat mengikut negeri bagi tahun 2011-2014<sup>20</sup>

Bil.	Negeri	Tahun			
		2011	2012	2013	2014
1	W.P.	495	439	320	279
2	Selangor	1673	1815	1527	1484
3	N.Sembilan	-	-	-	-
4	Melaka	784	-	-	-
5	P.Pinang	738	921	826	750
6	Perak	35	924	35	160
7	Pahang	948	584	434	475
8	Terengganu	403	375	274	329
9	Kelantan	625	541	468	498
10	Perlis	135	119	103	59
11	Kedah	776	541	534	387
12	Johor	2473	2526	1733	1269
13	Sabah	32	46	34	-
14	Sarawak	144	139	-	100
Jumlah		9261	8970	6288	5790

tinggi dijatuhkan hukuman denda RM4,900.00 atau sembilan bulan penjara jika gagal menjelaskan denda oleh Mahkamah Rendah Syariah Kuala Terengganu atas dua pertuduhan berkhalwat. Pelajar tersebut pernah ditangkap berkhalwat bersama teman lelakinya di sebuah hotel pada April 2013 dan telah mengulangi kesalahan sama tiga bulan kemudian bersama lelaki lain.<sup>21</sup> Hukuman yang dijatuhkan jelas tidak dapat memberikan kesedaran kepada pelajar terbabit

Di dalam kes *Abd Wahab lwn Timbalan Pendakwa Mahkamah Syariah Selangor*,<sup>22</sup> perayu dalam kes ini telah mengaku bersalah atas tuduhan berkhalwat dan mahkamah telah menjatuhkan hukuman penjara selama 30 hari. Perayu telah membuat rayuan dan Jawatankuasa Ulang bicara telah memutuskan hukuman tersebut

hendaklah dikurangkan kepada denda sebanyak RM300 atau penjara selama satu bulan. YA Hakim Haji Mohamed Azmi bin Dato' Haji Kamaruddin memberi pertimbangan dengan mengambil kira perayu telah mengaku bersalah dan hukuman penjara yang dikenakan adalah keterlaluan.<sup>23</sup> Peringatan hukuman yang dijatuhkan ke atas perayu adalah suatu keputusan yang kurang wajar bagi pendapat penulis. Hal ini adalah kerana perayu di dalam kes ini telah melakukan kesalahan khalwat buat kali kedua. Walaupun penulis tidak menafikan hukuman penjara selama 30 hari adalah keterlaluan namun peringatan daripada hukuman penjara terus kepada hukuman denda atau penjara sekiranya tidak membayar denda adalah kurang memberikan kesan dari segi objektif peruntukan undang-undang tersebut. Pesalah akan memandang ringan hukuman yang dijatuhkan dan mereka akan terus mengulangi kesalahan yang sama kerana tiadanya kesedaran dalam diri mereka.

Keputusan kes ini jelas berbeza dengan pendapat Yang Arif Zulfahmi Bunain yang pernah menyatakan menyatakan bahawa beliau lebih gemar menjatuhkan hukuman denda terhadap pesalah kali pertama yang telah mengaku bersalah kerana beliau mengandaikan mereka ini telah insaf, serik dan ingin bertaubat. Walau bagaimanapun, sekiranya mereka masih mengulangi kesalahan yang sama, hukuman penjara wajar dikenakan terhadap pesalah khalwat. Menurut YA Hakim lagi, hukuman denda sahaja tidak mampu memberikan kesedaran dan pengajaran kepada pesalah dan masyarakat.<sup>24</sup>

Oleh yang demikian, satu hukuman yang berat seharusnya dijatuhkan supaya pesalah khalwat benar-benar insaf dan tidak mengulangi perkara yang sama. Peringatan hukuman seperti kes ini ditakuti akan menyebabkan perayu memandang remeh peruntukan undang-undang justeru tidak gentar untuk mengulangi kesalahan yang sama.

Hukuman penjara telah lama dilaksanakan di Malaysia sama ada bagi kesalahan sivil atau syariah. Tarikh sebenar kewujudan institusi penjara di Malaysia masih tidak dapat dipastikan namun berdasarkan sumber dan catatan sejarah, ianya telah dilaksanakan sejak pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka.<sup>25</sup> Tujuan utama hukuman penjara ialah menahan seseorang yang belum dijatuhkan hukuman atau seseorang yang telah dijatuhkan hukuman oleh Mahkamah.<sup>26</sup> Sebahagian ulama' berpendapat bahawa hukuman penjara harus dilaksanakan di dalam kesalahan ta'zir berdasarkan surah An-Nisa' ayat 15.

Maksudnya: Dan (terhadap para wanita yang mengerjakan perbuatan keji, maka bawalah empat orang daripada kalangan kamu untuk menjadi saksi ke atas mereka, jika mereka telah memberi kesaksian, maka kurunglah mereka (wanita-wanita itu) di dalam rumah sehingga mereka menemui ajal ataupun sehingga Allah menunjukkan jalan yang lain kepada mereka.

Ayat di atas jelas menunjukkan bahawa hukuman penjara atau mengurung tahanan telah dilaksanakan sejak zaman Rasulullah SAW lagi. Di Malaysia, terdapat

pelbagai program rawatan secara berkala yang diatur oleh pihak penjara antaranya ialah program keagamaan. Persoalan yang sering timbul ialah adakah program keagamaan yang disediakan mampu mencegah pesalah khalwat daripada mengulangi jenayah yang sama? Pelbagai program telah diadakan oleh pihak penjara antaranya program fardu ain, kelas pengajian fiqh, akhlak, tasawuf, sirah, tafsir, hadith dan Al-Quran.<sup>27</sup> Walaubagaimanapun, berdasarkan kajian dan tinjauan temubual bersama bekas banduan, program keagamaan ternyata kurang memberi kesan kepada banduan. Hal ini kerana banduan tidak diwajibkan menghadiri kelas-kelas tersebut dan terdapat limitasi bilangan banduan yang boleh menghadiri kelas pada satu-satu masa.<sup>28</sup> Walgrave dan Guedens di dalam penulisan mereka telah mencadangkan supaya dilaksanakan hukuman berasaskan komuniti yang dapat memberikan kesan yang lebih baik dalam memulihkan pesalah berbanding hukuman penjara.<sup>29</sup> Berdasarkan amalan semasa, hukuman yang kerap diputuskan oleh Hakim dalam menjatuhkan hukuman bagi pesalah khalwat ialah hukuman denda dan jarang sekali pesalah dijatuhkan hukuman penjara.

Bagi hukuman denda pula, menurut jumhur fuqaha', hukuman tersebut dianggap sebagai satu bentuk pembalasan ta'zir yang diharuskan.<sup>30</sup> Denda yang dikenakan kepada pesalah khalwat dalam seksyen 29 Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995 adalah tidak melebihi RM3,000.00. Hukuman yang ringan ini masih belum berkesan dalam memberikan pengajaran kepada pesalah dan masyarakat. Hal ini kerana denda sering kali dapat dilunaskan oleh pesalah yang berkemampuan tanpa dapat menimbulkan rasa insaf dalam dirinya.<sup>31</sup> Secara tidak langsung, hukuman ini gagal dalam usaha memulihkan nilai moral dan agama pesalah.<sup>32</sup>

Kesimpulannya, berdasarkan statistik dan kes yang telah diputuskan, hukuman penjara dan denda kurang berkesan dalam usaha mencegah khalwat dan memberikan kesedaran kepada masyarakat supaya tidak melakukan khalwat. Statistik yang disediakan oleh pihak JAKIM jelas menunjukkan khalwat semakin berleluasa apabila mencatatkan angka yang tertinggi berbanding kesalahan jenayah yang lain. Oleh yang demikian, hukuman yang lebih berat seperti hukuman sebat dan hukuman alternatif adalah wajar untuk ditambah sebagai hukuman khalwat di Malaysia.

## JENAYAH KHALWAT: CADANGAN HUKUMAN SEBAT DAN HUKUMAN ALTERNATIF

### DEFINISI HUKUMAN SEBAT

Perkataan sebat berasal daripada perkataan Arab iaitu al-jald yang bermaksud kulit.<sup>33</sup> Ibn Manzur dalam Lisan al-Arab menjelaskan perkataan al-jald sebagai nama terbitan daripada perkataan asalnya yang bermakna pukulan atau deraan.<sup>34</sup> Menurut perspektif hukum Islam, sebat dapat didefinisikan sebagai satu hukuman bagi kesalahan-

kesalahan hudud dan ta'zir dengan cara memukul menggunakan alat-alat tertentu seperti rotan atau cemeti dan menggunakan kekuatan yang sederhana.<sup>35</sup>

### DEFINISI HUKUMAN ALTERNATIF

Dalam sistem perundangan Islam, hukuman disebut sebagai 'uqubah, iaitu perkataan Arab yang berasal dari kata akarnya 'aqb yang bermaksud 'suatu perkara yang datang selepas yang lain'; ini kerana, hukuman menyusuli pelanggaran had yang ditetapkan oleh syariah.<sup>36</sup> Abd al-Qadir Awdah mendefinisikan 'uqubah sebagai 'satu balasan yang ditetapkan oleh syarak ke atas mereka yang melanggar dan mengingkari perintah Allah dengan tujuan untuk menjaga kemaslahatan umum.<sup>37</sup>

Menurut kamus dewan cetakan keempat pula, alternatif bermaksud pilihan yang merupakan kemestian (keharusan) atau satu pilihan di antara dua kemungkinan. Maka hukuman alternatif boleh disimpulkan sebagai satu balasan pilihan selain daripada balasan yang telah ditetapkan oleh syarak. Dr Siti Zubaidah Binti Ismail di dalam penulisan beliau telah memberikan beberapa definisi hukuman alternatif antaranya;

1. Alternatif atau ganti kepada kegagalan membayar denda yang dikenakan, maka sebagai alternatif pesalah akan dipenjarakan, atau
2. Ganti hukuman lain yang difikirkan sesuai apabila membabitkan pesalah kali pertama dan juga pesalah juvana, tertakluk kepada bon jaminan yang dikeluarkan, dan
3. Pemulihan akhlak atau pemulihan akidah di pusat bimbingan Islam yang hanya wujud di Selangor sebagai hukuman asal.<sup>38</sup>

Dalam menentukan hukuman, perkara yang perlu diberi perhatian ialah tujuan hukuman bukan sekadar untuk menghukum pesalah namun hukuman telah disyariatkan dengan tegas demi menjaga kepentingan kehidupan yang sempurna seperti yang dituntut oleh Islam.

### CADANGAN PENGUATKUASAAN HUKUMAN SEBAT DAN HUKUMAN ALTERNATIF

Cadangan untuk hukuman sebat ditambah perlu diberikan perhatian oleh pihak-pihak berkuasa kerana hukuman yang lebih tegas amat diperlukan bagi memberikan kesedaran kepada pesalah khalwat dan masyarakat. Tambahan pula, khalwat merupakan muqadimah kepada zina maka sekiranya berzina boleh dihukum dengan hukuman sebat, maka adalah wajar sekiranya muqadimah kepada jenayah zina iaitu khalwat turut dikenakan hukuman sebat. Isu kemudaratan hukuman sebat kepada pesalah tidak seharusnya timbul kerana hukuman sebat di mahkamah syariah sangat berbeza dengan hukuman sebat di Mahkamah Sivil dan tertakluk kepada prosedur-

prosedur tertentu.

Menurut Dr Anita Rahim, pensyarah di Fakulti undang-undang Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), beliau menyatakan bahawa hukuman sebat mengikut peruntukan enakmen Syariah tidak menandatangani mudarat kepada pesalah. "Perlaksanaan hukuman sebat menurut prinsip syariah adalah jauh berbeza daripada pelaksanaan hukuman sebat di bawah undang-undang sivil." Hukuman sebat menurut syariah bukan bertujuan menghukum semata-mata malah ia adalah untuk menginsafkan pesalah hingga mendidiknya supaya boleh menjadi benteng dalaman agar tidak mengulangi jenayah itu.<sup>39</sup> Menurut Dr Anita lagi,

...hukuman sebat juga dapat mencegah masyarakat serta orang awam yang menyaksikan hukuman itu dijalankan insaf dari mahu melakukan kesalahan demikian... Tidak salah jika hukuman sebat juga dikenakan ke atas kesalahan percubaan persetubuhan haram atau khalwat. Dengan cara itu mungkin jenayah syariah dapat dibendung.<sup>40</sup>

Hukuman alternatif boleh diputuskan oleh mahkamah dengan menggunakan pelbagai perintah. Antara contoh hukuman alternatif ialah perintah menghadiri kelas bimbingan dan agama, perintah melakukan khidmat masyarakat dan sebagainya. Bagi tujuan kajian ini, penulis mencadangkan perintah menghadiri kelas bimbingan dan agama perlu dijadikan sebagai satu hukuman alternatif bagi kesalahan jenayah khalwat. Hukuman ini dicadangkan kerana hukuman ini lebih menjurus kepada pemulihan nilai moral dan agama pesalah. Pesalah perlu diperintahkan menghadiri kelas bimbingan dan agama dalam masa tertentu sambil dipantau oleh pegawai yang bertugas.

Hukuman alternatif adalah penting dalam mencapai tujuan utama pelaksanaan hukuman ta'zir iaitu untuk mengajar, mencegah dan memberi pengajaran di samping pemulihan dan pendidikan. Pencegahan yang dimaksudkan ialah mencegah pesalah dari mengulangi kesalahannya di samping mencegah orang lain daripada melakukan kesalahan yang sama.<sup>41</sup> Oleh yang demikian, adalah menjadi tanggungjawab mahkamah dalam memastikan setiap kesalahan jenayah dijatuhkan hukuman yang setimpal dan memastikan hukuman tersebut boleh dijadikan sebagai panduan kepada pesalah agar insaf dan tidak mengulangi jenayah yang sama.<sup>42</sup>

Dr Fauziah Mohd Noor selaku pensyarah undang-undang di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) menyatakan dalam penulisan beliau bahawa selain hukuman penjara, pesalah kesalahan khalwat harus ditempatkan di pusat pemulihan dan mempunyai sesi kaunseling untuk jangka waktu tertentu sebelum dia dilepaskan.<sup>43</sup> Cadangan yang dikemukakan oleh Dr Fauziah merupakan satu contoh perintah yang lebih menjurus kepada proses pemulihan moral dan agama. Perintah kelas bimbingan dan agama merupakan satu langkah yang baik dalam memberikan pendidikan dan pembelajaran kepada pesalah dengan tujuan memulihkan moral dan fahaman agama pesalah.

Selain itu, Presiden Persatuan Peguam Muslim

Malaysia, Dato' Zainul Rijal turut mencadangkan beberapa hukuman alternatif yang boleh mendidik jiwa pesalah agar lebih lembut sekaligus insaf dan tidak mengulangi kesalahan yang sama. Antara cadangan beliau ialah perintah menghadiri runding cara akidah, melaporkan diri kepada imam pada setiap waktu solat, membersihkan masjid dan menjaga pusat kebajikan.<sup>44</sup>

Walaupun mahkamah syariah hanya dibenarkan menjatuhkan hukuman yang telah diperuntukan, namun Hakim masih mempunyai kuasa budi bicara kerana khalwat merupakan kesalahan ta'zir yang tidak ditentukan kadarnya. Penambahan hukuman alternatif seperti perintah menghadiri kelas bimbingan dan agama perlu dijalankan dalam usaha untuk mencegah jenayah khalwat daripada terus berleluasa.

## KESIMPULAN

Berdasarkan kajian dan perbincangan yang telah dinyatakan di atas, hukuman penjara dan denda bagi khalwat masih kurang berkesan dalam menangani dan mencegah khalwat daripada berlaku. Hukuman penjara ternyata dapat menakutkan pesalah semasa pesalah berada di dalam penjara sahaja manakala hukuman denda pula langsung tidak menggentarkan pesalah kerana mereka merasakan bahawa mereka boleh melepaskan diri setelah membayar denda. Sebagai salah satu hukuman ta'zir, tujuan hukuman khalwat adalah untuk mencegah dan juga membuatkan pesalah insaf dan tidak mengulangi jenayah yang sama. Oleh yang demikian, adalah wajar untuk hukuman sebat dan hukuman alternatif dilaksanakan sebagai hukuman khalwat bagi membendung jenayah khalwat di Malaysia.

Contoh terbaik mengenai hukuman sebat boleh dilihat di Aceh, Indonesia. Qanun No. 14 Tahun 2003 telah memperuntukan hukuman sebat 9 kali sebatan (maksimum) dan 3 kali sebatan (minimum) ke atas pesalah jenayah khalwat. Hukuman tersebut secara tidak langsung dapat mengurangkan kes khalwat yang berlaku di Aceh. Selain itu, hukuman sebat tersebut turut dijalankan di hadapan awam maka masyarakat akan malu dan gentar untuk melakukan khalwat apabila mengenangkan hukuman yang akan dikenakan. Contoh daripada negara jiran ini perlu dicontohi oleh negeri-negeri di Malaysia agar kesalahan jenayah khalwat di Malaysia dapat dibendung.

Seterusnya, perintah menghadiri kelas bimbingan dan agama harus dijatuhkan kepada pesalah agar usaha untuk memulihkan nilai moral dan agama mereka dapat dilakukan dengan adanya pemantauan dari masa ke semasa. Kelas bimbingan dan agama tersebut bukan sahaja dapat mengajar mereka tentang akhlak sebenar sebagai seorang Islam malah dapat memberikan kesedaran kepada mereka tentang betapa salahnya perkara yang mereka telah lakukan justeru menginsafkan mereka agar tidak melakukan jenayah yang sama.

## NOTA

- <sup>1</sup> Zamzurina Ahmad, Khalwat Catat Tangkapan Tertinggi, 27 September 2012, [http://ww1.utusan.com.my/utusan/Pahang/20120927/wp\\_03/Khalwat-catat-tangkapan-tertinggi](http://ww1.utusan.com.my/utusan/Pahang/20120927/wp_03/Khalwat-catat-tangkapan-tertinggi), 9 Disember 2014.
- <sup>2</sup> Ainul Bashirah Ismail, Zuliza Mohd Kusrin & Mat Noor Mat Zain, 'Kesalahan Khalwat dan Perbuatan Tidak Sopan dan Hukumannya Menurut Islam' (2012) *Jurnal Hadhari*, hlm 65-88.
- <sup>3</sup> Ainul Bashirah Ismail, Zuliza Mohd Kusrin & Mat Noor Mat Zain, 'Kesalahan Khalwat dan Perbuatan Tidak Sopan dan Hukumannya Menurut Islam' (2012) *Jurnal Hadhari*, hlm 65-88.
- <sup>4</sup> Effandi Nazilah Abdullah, Isu Khalwat Dari Perspektif Agama dan Sosial dalam Prosiding dan Tatatertib, <http://agc-blog.agc.gov.my/agc-blog/?p=1107>, 8 Disember 2014.
- <sup>5</sup> Effandi Nazilah Abdullah, Isu Khalwat Dari Perspektif Agama dan Sosial dalam Prosiding dan Tatatertib, <http://agc-blog.agc.gov.my/agc-blog/?p=1107>, 8 Disember 2014.
- <sup>6</sup> Seksyen 29 Enakmen Jenayah Negeri Selangor 1995.
- <sup>7</sup> Dr Fauziah Mohd Noor, 'Serbuan Dalam Kes Khalwat Di Malaysia-Konflik Antara Etika Dalam Islam dan Maqasid As-Syari'ah' (2009) *Jurnal Hukum*, Jilid 29 BHG 1.
- <sup>8</sup> Dr. Hj. Mat Saad Abd. Rahman, *Isu-isu Dalam Masyarakat Islam Malaysia*, Cetakan Pertama, iBook Publication Sdn. Bhd, 2008, hlm 188-189.
- <sup>9</sup> Dr. Hj. Mat Saad Abd. Rahman, *Isu-isu Dalam Masyarakat Islam Malaysia*, Cetakan Pertama, iBook Publication Sdn. Bhd, 2008, hlm 188-189.
- <sup>10</sup> Hashim Mehat, *Malaysian Law & Islamic Law on Sentencing*, International Law Book Services, 1991, hlm 257-258.
- <sup>11</sup> Dr. Hj. Mat Saad Abd. Rahman, *Isu-isu Dalam Masyarakat Islam Malaysia*, Cetakan Pertama, iBook Publication Sdn. Bhd, 2008, hlm 2.
- <sup>12</sup> Ainul Bashirah Ismail, Zuliza Mohd Kusrin & Mat Noor Mat Zain, 'Kesalahan Khalwat dan Perbuatan Tidak Sopan dan Hukumannya Menurut Islam' (2012) *Jurnal Hadhari*, hlm 65-88.
- <sup>13</sup> Ainul Bashirah Ismail, Zuliza Mohd Kusrin & Mat Noor Mat Zain, 'Kesalahan Khalwat dan Perbuatan Tidak Sopan dan Hukumannya Menurut Islam' (2012) *Jurnal Hadhari*, hlm 65-88.
- <sup>14</sup> No Kes 10003-143-110-2004.
- <sup>15</sup> Pendakwa Syarie lwn Sukree Bin Masuyu.
- <sup>16</sup> No. kes 08012-143-0121-2006.
- <sup>17</sup> No. kes 08012-143-0017-2009.
- <sup>18</sup> Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
- <sup>19</sup> Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
- <sup>20</sup> Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
- <sup>21</sup> Gadis IPT Dua Kali Dicekup Khalwat, <http://www.mazeermohamad.com/2014/07/gadis-ipt-dua-kali-dicekup-khalwat.html>, 8 Disember 2014.
- <sup>22</sup> *Jurnal Hukum* Mei 1982 II Bhg. II Jld.
- <sup>23</sup> *Jurnal Hukum* Mei 1982 II Bhg. II Jld.
- <sup>24</sup> Siti Zubaidah Ismail, 'Hukuman Alternatif dari Perspektif Undang-undang Syariah' (2011) *Shariah Law Report*, hlm. 27.
- <sup>25</sup> Abdullah Yusof, 'Konsep Penjara Islam: Tinjauan Aktiviti Institusi Penjara Dan Pengalaman Para Banduan Di Penjara Malaysia' (2001) *Jurnal Syariah*, hlm 117-140.
- <sup>26</sup> Abdullah Yusof, 'Konsep Penjara Islam: Tinjauan Aktiviti Institusi Penjara Dan Pengalaman Para Banduan Di Penjara Malaysia' (2001) *Jurnal Syariah*, hlm 117-140.
- <sup>27</sup> Abdullah Yusof, 'Konsep Penjara Islam: Tinjauan Aktiviti Institusi Penjara Dan Pengalaman Para Banduan Di Penjara Malaysia' (2001) *Jurnal Syariah*, hlm 117-140.
- <sup>28</sup> Abdullah Yusof, 'Konsep Penjara Islam: Tinjauan Aktiviti Institusi Penjara dan Pengalaman Para Banduan di Penjara Malaysia' (2001) *Jurnal Syariah*, hlm 117-140.
- <sup>29</sup> L. Walgrave & H. Guedens, 'The Restorative Proportionality of Community Service for Juveniles' (1996), *European Journal of Crime, Criminal Law and Criminal Justice*, hlm. 362.
- <sup>30</sup> Dr. Hj. Mat Saad Abd. Rahman, *Isu-isu Dalam Masyarakat Islam Malaysia*, Cetakan Pertama, iBook Publication Sdn. Bhd, 2008, hlm 191.
- <sup>31</sup> Peguam Syarie Menulis: Hukuman Mahkamah Syariah Tak Takutkan Pesalah [http://www.jksm.gov.my/jksns/index.php?option=com\\_content&view=article&id=574:peguam-syarie-menulis-hukuman-mahkamah-syariah-tak-takutkan-pesalah&catid=92:berita-terkini-jksns&Itemid=1](http://www.jksm.gov.my/jksns/index.php?option=com_content&view=article&id=574:peguam-syarie-menulis-hukuman-mahkamah-syariah-tak-takutkan-pesalah&catid=92:berita-terkini-jksns&Itemid=1), 10 Disember 2014.
- <sup>32</sup> Arifah Rahimah Ismail & Mohd Al Adib Samuri, 'Perintah Khidmat Masyarakat Sebagai Hukuman Alternatif di Mahkamah Syariah Malaysia' (2014) *Jurnal Kanun*, hlm 192-219.
- <sup>33</sup> [http://studentsrepo.um.edu.my/1102/4/BAB\\_1.pdf](http://studentsrepo.um.edu.my/1102/4/BAB_1.pdf), 28 Disember 2014.
- <sup>34</sup> [http://studentsrepo.um.edu.my/1102/4/BAB\\_1.pdf](http://studentsrepo.um.edu.my/1102/4/BAB_1.pdf), 28 Disember 2014.
- <sup>35</sup> [http://studentsrepo.um.edu.my/1102/4/BAB\\_1.pdf](http://studentsrepo.um.edu.my/1102/4/BAB_1.pdf), 28 Disember 2014.
- <sup>36</sup> Abdur Rahman I.Do, *Shariah: The Islamic Law*, A.S. Nordeen, Kuala Lumpur, 1996, hlm 221
- <sup>37</sup> Abd al-Qadir <Awdah, *Criminal Law In Islam*, International Islamic Publisher, Delhi, hlm 609.
- <sup>38</sup> Dr Siti Zubaidah Ismail, 'Hukuman Alternatif dari Perspektif Undang-undang Syariah' (2011) *Syariah Law Reports*, hlm xxv.
- <sup>39</sup> Abdul Ghani Nasir, 'Kaedah Hukuman Sebat bagi Jenayah Syariah Perlu Digubal', *UKM News Portal*, 23 September 2013.
- <sup>40</sup> Abdul Ghani Nasir, 'Kaedah Hukuman Sebat bagi Jenayah Syariah Perlu Digubal', *UKM News Portal*, 23 September 2013.
- <sup>41</sup> Dr. Hj. Mat Saad Abd. Rahman, *Isu-isu Dalam Masyarakat Islam Malaysia*, Cetakan Pertama, iBook Publication Sdn. Bhd, 2008, hlm 188-189.
- <sup>42</sup> Dr. Hj. Mat Saad Abd. Rahman, *Isu-isu Dalam Masyarakat Islam Malaysia*, Cetakan Pertama, iBook Publication Sdn. Bhd, 2008, hlm 188-189.
- <sup>43</sup> Dr Fauziah Mohd Noor, 'Serbuan Dalam Kes Khalwat Di Malaysia-Konflik Antara Etika Dalam Islam dan Maqasid As-Syari'ah' (2009) *Jurnal Hukum*, Jilid 29 BHG 1.
- <sup>44</sup> Peningkatan Jumlah Kes Syarie Bukan Lemah Sistem Perundangan Islam. <http://www2.bharian.com.my/bharian/articles/PeningkatanjumlahkesyariebukanlemahsistemperundanganIslam/m/mArticle>, 10 Disember 2014.

## RUJUKAN

- Abdullah Yusof. 2001. Konsep penjara Islam: Tinjauan aktiviti institusi penjara dan pengalaman para banduan di penjara Malaysia. *Jurnal Syariah* 9: 117-140.
- Abdul Ghani Nasir. 2013. Kaedah hukuman sebat bagi jenayah Syariah perlu digubal. *UKM News Portal*, 23 September.
- Ainul Bashirah Ismail, Zuliza Mohd Kusrin & Mat Noor Mat Zain. 2012. Kesalahan khalwat dan perbuatan tidak sopan dan hukumannya menurut Islam. *Jurnal Hadhari* 4(2): 65-88.
- Arifah Rahimah Ismail & Mohd Al Adib Samuri. 2014. Perintah khidmat masyarakat sebagai hukuman alternatif di mahkamah Syariah. *Jurnal Kanun* 26 Kanun (2): 192-219.
- Fauziah Mohd Noor. 2009. Serbuan Dalam Kes Khalwat Di Malaysia-Konflik antara etika dalam Islam dan Maqasid As-Syari'ah. *Jurnal Hukum* 29(1).
- Dr Siti Zubaidah Ismail. 2011. Hukuman Alternatif dari Perspektif Undang-undang Syariah, *Syariah Law Reports*. xxv.
- Hashim Mehat. 1991. *Malaysian Law & Islamic Law on Sentencing*. International Law Book Services.

- Mat Saad Abd. Rahman. 2008. *Isu-Isu Dalam Masyarakat Islam Malaysia*. iBook Publication Sdn. Bhd.
- Paizah Haji Ismail. 1991. *Undang-undang Jenayah Islam*. Petaling Jaya: Dewan Pustaka Islam.
- Walgrave, L. & Guedens, H. 1996. The restorative proportionality of community service for juveniles. *European Journal of Crime, Criminal Law and Criminal Justice* 362.
- Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 (Pindaan 1984) (Akta 355).
- Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995.
- Perlembagaan Persekutuan.
- Surah An-Nur, 24: 30, 31
- Surah Al-Isra', 17: 32
- Surah An-Nisa', 4: 15
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)
- Pendakwa Syarie Iwn Sukree bin Masuyu (No. Kes 10003-143-110-2004).
- Pendakwa Syarie Iwn Norashikin bt Maslan. (No. kes 08012-143-0121-2006).
- Pendakwa Syarie Iwn Mohd Naim bin Abu Bakar (No. kes 08012-143-0017-2009).
- Abd Wahab Iwn Timbalan Pendakwa Mahkamah Syariah Selangor: Jurnal Hukum. Mei 1982 Jld. II Bhg. II.
- Effandi Nazilah Abdullah. Isu Khalwat dari Perspektif Agama dan Sosial dalam Prosiding dan Tatatertib. <http://agc-blog.agc.gov.my/agc-blog/?p=1107>. Diakses pada: 8 Disember 2014.
- Gadis IPT Dua Kali Dicekup Khalwat. <http://www.mazeermohamad.com/2014/07/gadis-ipt-dua-kali-dicekup-khalwat.html>. Diakses pada: 8 Disember 2014.
- Implikasi Zina Terhadap Perkahwinan. [http://www.islam.gov.my/sites/default/files/28.implikasi\\_zina\\_terhadap\\_perkahwinan.pdf](http://www.islam.gov.my/sites/default/files/28.implikasi_zina_terhadap_perkahwinan.pdf) Diakses pada: 11 Disember 2014.
- Kes khalwat belia paling tinggi. 2012. *Sinar Harian*, 23 Mac. <http://www.sinarharian.com.m/edisi/selangor-kl/kes-khalwat-belia-paling-tinggi> Diakses pada: 9 Disember 2014.
- Peningkatan jumlah kes Syarie bukan lemah sistem perundangan Islam. <http://www2.bharian.com.my/bharin/articles/PeningkatanjumlahkessyariebukanlemahsistemperundanganIslam/m/mArticle> Diakses pada: 10 Disember 2014.
- Peguam Syarie menulis: Hukuman Mahkamah Syariah tak takutkan pesalah. [http://www.jksm.gov.my/jksns/index.php?option=com\\_content&view=article&id=574:peguam-syarie-menulis-hukuman-mahkamah-syariah-taktakutkan-pesalah&catid=92:berita-terkini-jksns&Itemid=1](http://www.jksm.gov.my/jksns/index.php?option=com_content&view=article&id=574:peguam-syarie-menulis-hukuman-mahkamah-syariah-taktakutkan-pesalah&catid=92:berita-terkini-jksns&Itemid=1). Diakses pada: 10 Disember 2014.
- Zulkifli Hasan. Isu Undang-undang Jenayah Islam di Malaysia dan Sejauh Manakah Perlaksaannya. <http://zulkiflihasan.files.wordpress.com/2008/06/isu-undg-jnyh-msia.pdf>. Diakses pada: 7 Disember 2014.
- Zamzurina Ahmad. Khalwat Catat Tangkapan Tertinggi, 27 September 2012. [http://ww1.utusan.com.my/utusan/Pahang/20120927/wp\\_03/-catattangkapan-tertinggi](http://ww1.utusan.com.my/utusan/Pahang/20120927/wp_03/-catattangkapan-tertinggi) Diakses pada: 9 Disember 2014.

Nurul 'Izzati Mohamad  
Pelatih Dalam Kamar  
Zufaidi & Associates  
Bilik 2, Tingkat 1  
Bangunan KAAK BP Bhd.  
Jalan Pegawai, 83000 Batu Pahat, Johor  
Emel: nizzatimohamad@yahoo.com